

Makpem latih 6,000 OKU

H-M 29/12/08 MSH

MEMAHAMI golongan kurang upaya (OKU) bukan sesuatu yang mudah. Bukan saja dari segi kehendak mereka bahkan masyarakat umum sendiri kurang berusaha untuk mempelajari ilmu komunikasi supaya terjalin persefahaman terhadap golongan itu.

"Kita mengharapkan sesuatu supaya golongan OKU ada tempat tersendiri dalam masyarakat dengan memperbaiki taraf hidup mereka. Tetapi kalau kita sendiri tidak berusaha memahami golongan itu, hasrat berkenaan mungkin gagal.

"Bagi mencapai wadah itu, sebagai induk kepada pertubuhan kebajikan bagi golongan berkenaan menyebabkan Makpem terpenggil untuk mengadakan kursus dalam pelbagai bentuk termasuk sijil dan bertaraf universiti," kata Presiden Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (Makpem), Datuk Halim Ibrahim.

Menurutnya, kumpulan sasaran adalah pelatih yang bakal atau sedang mengajar golongan OKU di sekolah, institusi khas serta kakitangan persatuan kebajikan atau sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

mencapai tahap kecekapan sewajarnya.

Tahap pendidikan diletakkan sebagai nadi terpenting kepada Makpem dalam usahanya membantu golongan berkenaan.

Menyerusi latihan yang lebih praktikal, katanya peserta yang mengikuti latihan asas penjagaan kanak-kanak yang dianjurkan institusi itu mendapat pelbagai pengetahuan berguna yang pastinya bakal mendapat pasaran lebih meluas suatu hari nanti.

"Mereka diberikan pelbagai latihan berkaitan pelbagai bidang menerusi pelbagai program latihan dan sehingga kini sudah melatih lebih 6,000 orang.

"Sementara itu, kerjasama dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) menerusi bidang jagaan profesional sebelum ini hanya bertahap sijil, namun kini mereka diberi peluang ke tahap diploma hingga ijazah," katanya.

Menurut Halim, pendekatan yang diguna pakai dalam program bertaraf universiti itu membabitkan 14 modul oleh Makpem manakala diluaskan dengan enam lagi tahapnya di universiti berkenaan.

Turut terbabit merangka Akta OKU sehingga diluluskan Parlimen pada Ogos lalu menjadikan pertubuhan itu



Mereka diberikan pelbagai latihan berkaitan pelbagai bidang menerusi pelbagai program latihan dan sehingga kini sudah melatih lebih 6,000 orang"

>Datuk Halim Ibrahim
Presiden Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (Makpem)

semakin yakin mengorak langkah seterusnya ke arah sumbangan lebih cepak.

Makpem yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan (1998) melakar pelbagai kejayaan hasil kegigihan semua pihak dan NGO itu turut meletakkan nasib golongan OKU lebih terbela.

Kewujudan pejabatnya di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur dengan bangunan yang menelan kos pembinaan sebanyak RM4.5 juta pada 1997 itu sudah dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran iaitu golongan OKU, kanak-kanak, warga emas, golongan miskin, wanita serta remaja perempuan.

Sehingga kini, katanya, Makpem sudah menempa pelbagai kejayaan yang menjadikannya sebagai pertubuhan menaungi 45 persatuan peringkat kebangsaan dan negeri.

Bersama Kementerian Sumber Manusia, katanya, pertubuhan itu mewujudkan Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya yang menjadidijikan penempatan antara golongan itu dengan syarikat yang boleh menawarkan pekerjaan bersesuaian dengan fizikal serta kebolehan mereka.

"Bersama Lembaga Hasil

Dalam Negeri, kita turut menggariskan satu dasar sekiranya pihak majikan mengambil pekerja daripada OKU, kerajaan memberi kelonggaran pelepasan cukai sebanyak RM5,000.

"Majikan turut diberi elaun RM300 kepada pekerja OKU yang diambil bekerja. Bagi yang berdaftar dan membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, mendapat pelbagai ganjaran," katanya.

Menurut Halim, tumpuan pertubuhan itu dalam membantu melahirkan usahawan berskala besar bukan sekadar kejayaan bersifat individu.

Malah, beliau berhasrat membantu lebih ramai usahawan dan mereka pula turut membantu usahawan lain yang senasib supaya lebih berdaya saing.

Beliau turut berbangga ramai individu profesional memberi komitmen padu dalam merealisasikan gagasan pertubuhan itu dan mereka dilihat lebih memahami masalah, kehendak atau kepakaran dimiliki.

Di peringkat antarabangsa, beliau berkata, seminar mengenai OKU di Perancis pada Jun lalu menggambarkan kepada dunia betapa mereka tidak terpinggir.